

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8 June 2015

Taklimat gempa TPM tergendala ekoran gegaran

RANAU 7 Jun - Satu sesi taklimat berhubung situasi terkini gempa yang dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di sebuah dewan di Taman Kinabalu, Kundasang dekat sini tergendala seketika susulan gegaran kecil.

Ekoran gegaran pada pukul 1.35 petang itu, Muhyiddin termasuk Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman serta delegasi lain diarahkan keluar ke kawasan lapang sebagai langkah keselamatan.

Antara yang turut sama dalam

taklimat itu adalah Menteri Kesjahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan; dua Timbalan Ketua Menteri iaitu Tan Sri Joseph Pairin Kitingan dan Datuk Seri Yahya Hussin serta Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Ketua Dewan Pemuda Pas pusat, Nik Abdul Nik Abdul Aziz.

Ketika itu, sesi taklimat telah berlangsung selama 25 minit dan taklimat kemudiannya terpaksa dilakukan di kawasan lapang

berkenaan.

Antara lain, Muhyiddin dimaklumkan tentang jumlah mangsa yang terlibat dan jumlah keanggotaan pasukan penyelamat.

Beliau turut diberitahu tentang pelaksanaan operasi mencari dan menyelamatkan mangsa membabitkan pelbagai agensi serta malim gunung.

Dalam pada itu, sesi sidang akhbar oleh Muhyiddin sejurus selepas taklimat turut dilakukan di kawasan lapang, juga sebagai langkah keselamatan.



MUHYIDDIN YASSIN bersalaman dengan Abdul Hadi Awang yang turut berada dalam sesi taklimat bencana dan operasi susulan gempa bumi di Ranau, semalam.